Pengurusan Danaharta lwn Norman Ch'ng Ping Teong

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — GUAMAN NO MT3–22–733 TAHUN 2000
ZALEHA ZAHARI H
7 FEBRUARI 2003

Acara Sivil *— Penggantungan prosiding — Permohonan untuk — Sama ada rayuan untuk permohonan penggantungan dibenarkan sehingga penjelasan muktamad kos dalam kes yang terdahulu — Sama ada rayuan dibenarkan untuk memberikan lanjutan masa untuk defendan memfailkan pernyataan pembelaan*

Plaintif telah meluluskan kemudahan kredit 'revolving' kepada defendan dan sebagai sekuriti, defendan telah mencagar saham-saham biasa dan meletakhak kesemua hak dan kepentingan berkaitan kemudahan dan sekuriti tersebut kepada plaintif. Akibat daripada kegagalan defendan untuk menyelesaikan jumlah yang dituntut dalam tempoh masa yang ditetapkan, plaintif telah memfailkan prosiding ini untuk menuntut jumlah yang tertunggak dan yang kena dibayar. Ini adalah rayuan defendan di lampiran (12) terhadap keputusan timbalan pendaftar yang telah menolak permohonan penggantungan yang difailkan oleh beliau di lampiran (6) untuk menggantungkan prosiding ini sehingga penjelasan muktamad kos dalam Guaman MT–3–22–1207–1998 ('kes yang terdahulu') dan lanjutan masa untuk defendan memfailkan pernyataan pembelaan sehingga penyelesaian muktamad permohonan penggantungan di lampiran (6) ini.

Diputuskan, menolak rayuan defendan dengan kos:

(1) Kegagalan plaintif untuk membayar kos adalah berpunca dari kelewatan defendan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menentukan jumlah yang perlu dibayar bagi kes yang terdahulu. Plaintif tidak boleh dipersalahkan atas kelewatan untuk menyelesaikan kos bagi kes yang terdahulu. Hanya setelah isu ini dibangkitkan dalam afidavit jawapan plaintif di lampiran (3), barulah defendan mengambil tindakan untuk memfailkan notis penetapan kos dan bil kos dalam kes terdahulu. Dalam keadaan ini, hakim Mahkamah Tinggi bersetuju dengan hujahan peguam plaintif bahawa alasan ini tidak merupakan satu alasan yang kukuh bagi mahkamah untuk melaksanakan budi bicaranya bagi membenarkan permohonan penggantungan ini (lihat ms 368D–F).

(2) Plaintif yang telah mengambil alih semua hak pemberi pinjaman, juga berhak untuk menuntut keadilan dari pihak Mahkamah Tinggi. Adalah tidak wajar tindakan sivil ini digantung di peringkat ini kerana ia hanya akan membantut prosiding ini. Demi kepentingan keadilan adalah wajar isu-isu yang dibangkitkan di dalam kes ini diputuskan dengan muktamad dan tidak harus menunggu keputusan jumlah kos bagi kes yang terdahulu yang perlu ditanggung oleh plaintif. Oleh demikian,

keputusan timbalan pendaftar menolak permohonan defendan di lampiran (6) adalah betul (lihat ms 368F–H).

[English summary

The plaintiff had approved a revolving credit facility to the defendant and as security, the defendant had charged ordinary shares and vested all rights and interests in respect of the facility and the security in the plaintiff. Due to the defendant failure to settle the demanded sum within the period stipulated, the plaintiff had filed this proceeding to claim for the amount due and payable. This was the defendant's appeal in encl (12) against the decision by the deputy registrar in dismissing the stay application filed by him in encl (6) to stay the proceeding until the final cost settlement in Guaman MT–3–22–1207–1998 ('the previous case') and extension for time for the defendant to file a statement of defence until final settlement of the stay application in encl (6).

Held, dismissing the defendant's appeal with costs:

(1) The plaintiff's failure to pay the costs was due to the defendant's delay in taking necessary action to determine the amount due in the previous case. The plaintif could not be blamed as to the delay in settling the previous case. Only after this issue was raised in the plaintiff's affidavit-in-reply in encl (3), did the defendant took action to file a notice to determine the costs and the bills of costs for the previous case. In the circumstances, the High Court judge agreed with the submission of the plaintiff's counsel that this ground was not a solid ground for the court to execute its discretion in granting the stay application (see p 368D–F).

(2) The plaintiff having taken over all rights of the borrower, had also the right to demand for justice from the High Court. It was not wise that the civil action be stayed at this stage as it would only pre-empt the proceeding. For the ends of justice, the issues raised in this case had been finally concluded and did not have to wait for the decision of the cost amount for the previous case which should be borne by the plaintiff. Therefore, the decision of the deputy registrar dismissing the defendant's application in encl (6) was right (see p 368F–H).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai permohonan untuk penggantungan prosiding, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 5503–5513.

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 ss 14(4)(m)(ii), 72(b)

Katina Nurani bte Abd Rahim (*Michael & Co*) bagi pihak plaintif/ responden. A

Shamsinar Dato' Mohamed Nor (*Kumar Jaspal Quah & Aishah*) bagi pihak responden/defendan.

Zaleha Zahari H: Latar belakang permohonan penggantungan yang difailkan oleh Norman Ch'ng Ping Teong ('defendan') di lampiran (6), yang telah ditolak oleh timbalan pendaftar pada 30 Ogos 2001 dan menjadi subjek rayuan di lampiran (12), adalah seperti berikut. B

Tuntutan plaintif

Melalui writ saman dan pernyataan tuntutan yang telah difailkan pada 2 November 2000, Pengurusan Danaharta Nasional Bhd ('plaintif') mendakwa defendan berhutang kepadanya sebanyak RM12,811,744.06 setakat 30 September 2000, dan juga menuntut faedah dan kos. C

Kes plaintif ialah, atas permohonan defendan, United Merchant Bank Finance Berhad ('pemberi pinjaman'), telah meluluskan kemudahan kredit 'revolving' bagi jumlah RM10j kepada defendan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam perjanjian serta surat tawaran bertarikh 25 Julai 1996 dan juga surat-surat tawaran tambahan bertarikh 11 September 1996 dan 22 November 1997 ('kemudahan tersebut'). D

Sebagai sekuriti bagi kemudahan tersebut, defendan telah mencagar saham-saham biasa Timbermaster Industries melalui satu memorandum saham deposit bertarikh 26 Oktober 1996 dan surat kuasa wakil bertarikh 26 Oktober 1996 untuk melaksanakan kesemua hak-hak, kuasa dan remedi kepada pemberi pinjaman, serta juga perbelanjaan bank, faedah, komisyen serta kos undang-undang dan kos berbangkit yang lain ('sekuriti tersebut'). E

Seterusnya, melalui sijil letakhak (vesting certificate) bertarikh 30 Disember 1998 yang telah dikeluarkan di bawah Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 ('Akta'), plaintif telah memperolehi dan/ atau diletakhak dengan, di antara lain, kesemua hak dan kepentingan pemberi pinjaman berkaitan dengan kemudahan dan sekuriti tersebut. Plaintif telah memberi notis kepada defendan berkenaan perietakan hak tersebut melalui pengambilan notis (notice of acquisition) bertarikh 30 Disember 1998. Di antara lain, pengambilan notis ini memaklumkan kadar faedah yang terpakai yang akan dikira menurut kadar pinjaman asas Malayan Banking seperti yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia menurut s 14(4)(m)(ii) Akta, dan bahawa, dari tarikh notis tersebut, kadar faedah yang akan dicaj atas kemudahan tersebut telah dipinda kepada 2% atas kadar pinjaman asas Malayan Banking Berhad. F G H

Plaintif mendakwa defendan telah ingkar dalam pembayaran terhadap kemudahan tersebut dan bahawa setakat 30 September 2000, jumlah yang tertunggak dan kena dibayar oleh defendan kepada plaintif adalah RM12,811,744.06 beserta dengan faedah. Dalam keadaan sedemikian, pada 26 September 2000, plaintiff, melalui peguamcara mereka, Tetuan Michael Chai & Co, telah mengeluarkan notis kepada defendan menuntut jumlah yang tertunggak dan yang kena dibayar yang dinyatakan I

di dalam notis itu, serta memberi notis penamatan perjanjian dan penarikan balik kemudahan tersebut. Lanjutan dari kegagalan defendan untuk menyelesaikan jumlah yang dituntut dalam tempoh masa yang ditetapkan di dalam notis tuntutan, pada 2 November 2000, pihak plaintif telah memfailkan prosiding ini.

Lampiran (6): Permohonan penggantungan

Defendan telah mengfailkan permohonan di lampiran (6) pada 27 Mac 2001 untuk perintah-perintah berikut:

(i) bahawa segala prosiding digantungkan sehingga penjelasan muktamad kos dalam Guaman MT–3–22–1207–1998 menurut A 21 k 5 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980;

(ii) lanjutan masa diberi kepada defendan untuk memfailkan peryataan pembelaan sehingga penyelesaian muktamad permohonan ini.

Permohonan defendan disokong oleh afidavit defendan yang diikrarkan pada 23 Mac 2001 dan difailkan pada 27 Mac 2001 (lampiran (5)).

Asas permohonan penggantungan ini adalah berdasarkan fakta-fakta berikut. Pada 16 September 1998, pemberi pinjaman telah memulakan satu tindakan guaman terhadap defendan, iaitu Guaman Sivil Mahkamah Tinggi Shah Alam No 22–1207–1998 (eksh 'CPT-1', lampiran (5)) ('kes terdahulu'). Menurut defendan, pemberi pinjaman telah, pada 6 Januari 1999, menarik balik kes terdahulu dengan kos kepada defendan. Dalam keadaan mana kos bagi kes terdahulu itu masih belum dibayar kepada defendan, adalah wajar mahkamah membenarkan permohonan penggantungan yang dipohon oleh defendan.

Defendan menekankan fakta bahawa pemberi pinjaman dalam kes yang terdahulu, dan plaintif di dalam kes ini, adalah sama. Menurut defendan lagi adalah tidak wajar plaintif dibenarkan untuk melanjutkan tindakan ini dalam keadaan mana kos bagi kes yang terdahulu masih belum dibayar kepadanya.

Pihak plaintif membantah. Menurut afidavit Abdul Hamidy bin Abdul Hafiz, Pengarah Operasi plaintif yang diikrarkan pada 16 April 2001 (lampiran (3)), plaintif menekankan fakta bahawa pemberi pinjaman telah menarik balik kes yang terdahulu apabila kemudahan tersebut, atas permintaan defendan, telah dijual kepada plaintif (perenggan 5 lampiran (3)). Berikutan dengan perkembangan ini, plaintif telah memperolehi dan/atau diletak hak dengan, antara lain, kesemua hak, hakmilik dan kepentingan pemberi pinjaman berkaitan dengan kemudahan tersebut.

Berhubung dengan isu kos yang telah diberi oleh mahkamah kepada defendan dalam kes terdahulu pada 6 Januari 99, plaintif berpendirian dalam keadaan mana kegagalan plaintif untuk membayar kos bagi kes yang terdahulu berpunca dari kegagalan defendan untuk mengambil tindakan untuk menyediakan bil kos supaya kos tersebut ditaksirkan, atau memberitahu dan meminta dari peguamcara pihak peminjam kos yang harus dibayar, adalah tidak munasabah bagi kes ini digantung (perenggan 6 lampiran (3)) atas alasan ini.

Plaintif juga berpendapat berasaskan kepada s 72(b) Akta tersebut menghadkan mahkamah untuk mengeluarkan perintah untuk menggantung, menghalang atau menjejaskan sebarang tindakan yang diambil oleh plaintif. Seksyen 72 Akta memperuntukkan seperti berikut:

> Notwithstanding any law, an order of a court cannot be granted:
>
> (a) which stays, restrains or affects the powers of the Corporation, Oversight Committee, Special Administrator or Independent advisor under this Act;
>
> (b) which stays, restrains or affects any action taken, proposed to be taken by the Corporation, Oversight Committee, Special Administrator or Independent Advisor under this Act;
>
> (c) which compels the Corporation, Oversight Committee, Special Administrator or Independent Advisor to do or perform any act,
>
> and any such order, if granted, shall be void and unenforceable and shall not be the subject of any process of execution whether for the purpose of compelling obedience of the order or otherwise.

Dalam hal sedemikian, plaintif memohon supaya pemohonan defendan ditolak dengan kos.

Adalah amat jelas, kegagalan plaintif untuk membayar kos adalah berpunca dari kelewatan defendan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menentukan jumlah yang perlu dibayar bagi kes yang terdahulu. Dengan itu, adalah amat nyata plaintif tidak boleh dipersalahkan atas kelewatan untuk menyelesaikan kos bagi kes yang terdahulu. Mahkamah mengambil maklum hanya setelah isu ini dibangkitkan dalam afidavit jawapan plaintif di lampiran (3) pada 14 Mei 2001, barulah defendan mengambil tindakan untuk memfailkan notis penetapan kos dan bil kos dalam kes terdahulu (eksh 'CPT-4'). Dalam keadaan ini, saya bersetuju dengan hujahan peguam plaintif bahawa alasan ini tidak merupakan satu alasan yang kukuh bagi mahkamah untuk melaksanakan budi bicaranya bagi membenarkan permohonan penggantungan ini.

Saya juga berpendapat berdasarkan kepada latar belakang kes ini, plaintif, yang telah mengambil alih semua hak pemberi pinjaman, juga berhak untuk menuntut keadilan dari pihak mahkamah ini. Saya berpendapat tidak wajar tindakan sivil ini digantung di peringkat ini kerana ia hanya akan membantut prosiding ini. Demi kepentingan keadilan adalah wajar isu-isu yang dibangkitkan di dalam kes ini diputuskan dengan muktamad dan tidak harus menunggu keputusan jumlah kos bagi kes yang terdahulu yang perlu ditanggung oleh plaintif.

Dalam keadaan ini, saya berpendapat keputusan timbalan pendaftar menolak permohonan defendan di lampiran (6) adalah betul dan dengan itu menolak rayuan di lampiran (12) dengan kos.

Rayuan defendan ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Ezatul Zuria Azhari